Yayasan Waqaf Malaysia

KENYATAAN MEDIA

YWM PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DAN PERLUAS MANFAAT WAKAF KEPADA RAKYAT

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) terus memperkukuh jaringan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan, sektor korporat dan institusi kewangan bagi memperluas manfaat wakaf kepada masyarakat menerusi inisiatif dalam bidang kesihatan, pendidikan, pemerkasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar serta kemanusiaan.

YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM menerusi ucapan perasmiannya di Majlis Apresiasi Rakan Strategik dan Penjenamaan Semula Perbadanan Wakaf Nasional Berhad pada hari ini menegaskan bahawa kejayaan wakaf ini perlu diukur melalui perubahan dalam kehidupan rakyat.

Seruan ini diterjemahkan melalui inisiatif YWM melalui **Projek Wakaf Air bersama pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)** yang membantu memenuhi keperluan bekalan air bersih menerusi **92 projek** dilaksanakan dengan agihan **melebihi RM4 juta** bagi menyokong keperluan harian dan kesejahteraan komuniti.

Selain itu, bagi menyokong pengurusan sumber tenaga lebih cekap serta mengurangkan bebanan kos operasi masjid, inisiatif **Wakaf Masjid Hijau bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan MGTC** telah dilaksanakan melibatkan **10 projek yang bernilai RM500,000**.

Dari sudut pemerkasaan ekonomi rakyat, inisiatif **Wakaf Halal PKS bersama Halal Development Corporation (HDC) telah membantu 25 syarikat menerusi bantuan yang bernilai RM599,400.** Usaha untuk memperkasa golongan usahawan turut dilaksanakan melalui **Program iTEKAD bersama CIMB Islamic yang membantu 53 penghantar makanan dengan nilai RM300,000.**

Usaha memperkukuh pembiayaan sosial turut disokong melalui penglibatan YWM dalam **inisiatif ImpakRintas, platform bursa sosial (*social exchange*) pertama di Malaysia.** Penglibatan ini mencerminkan komitmen YWM terhadap akauntabiliti,

MALAYSIA MADANI

ketelusan dan integriti dalam pengurusan dana sumbangan serta tadbir urus pertubuhan bukan kerajaan (NGO). YWM mahu memastikan sumbangan sampai kepada kumpulan sasar, penggunaannya dapat dipantau dan manfaatnya dinilai, sekali gus memperkukuh keyakinan masyarakat.

Disamping itu, YWM menerusi inisiatif CSR turut bekerjasama dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan di bawah Ops Ihsan yang menyokong penyaluran bantuan kepada Palestin.

Selain kerjasama melibatkan agihan wakaf, rakan strategik di sektor institusi kewangan, pelaburan dan pengendali takaful turut membantu memperluas dan memperkasa saluran berwakaf di pelbagai platform seiring dengan kemajuan pada hari ini.

Pada majlis yang sama, YB Menteri turut mengumumkan pertukaran nama **Perbadanan Wakaf Nasional Berhad kepada Permodalan Wakaf Nasional Berhad (PWNB)**. Penjenamaan semula ini bertujuan memperkukuh peranannya dalam pembangunan ekonomi wakaf negara, selari dengan aspirasi Pelan Induk Wakaf Nasional. YB Menteri turut berharap agar PWNB dapat meneroka peluang pembangunan aset, pelaburan dan kerjasama perniagaan yang berdaya maju, berlandaskan prinsip syariah serta tadbir urus yang baik.

Di akhir ucapan, YB Menteri mengalu-alukan kerjasama baharu daripada para rakan strategik berpotensi menerusi sumbangan dana, kepakaran, teknologi serta idea bagi memperluas manfaat wakaf berteraskan semangat Wakaf Untuk Semua.

-TAMAT-

Yayasan Waqaf Malaysia
4 September 2026

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus
Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media
Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my